

20/02/2004

Sasaran bajet berimbang 2006 dikaji semula

Kalimullah Hassan

KERAJAAN mengkaji semula sasarannya untuk mencapai bajet berimbang menjelang 2006 berikutan kedudukan kewangan negara yang semakin kukuh dan akan berusaha mengurangkan defisit itu secara berperingkat-peringkat.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, defisit itu berjaya dikurangkan daripada 5.6 peratus dua tahun lalu kepada 5.5 peratus tahun lalu dan kerajaan kini menjangka ia terus turun kepada 4.5 peratus tahun ini.

"(Perdana Menteri) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah mengarahkan supaya kita terus mengurangkan defisit fiskal menerusi dasar berhemat," katanya dalam pertemuan dengan kumpulan 21 pengurus dana terkemuka serantau, di Putrajaya, semalam.

Nor Mohamed juga meyakinkan pengurus dana berkenaan bahawa angka defisit itu akan terus berkurangan.

"Soalnya, mengapa tidak sifar? Itu sememangnya situasi yang ideal tapi kita tidak boleh melakukannya atas sebab-sebab praktikal," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa, sebagai sebuah negara membangun, Malaysia perlu terus menekankan kepada pertumbuhan di antara lima hingga tujuh peratus setahun atau mungkin lebih tinggi daripada itu.

"Seperti yang diawasi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kita memerlukan angka pertumbuhan yang baik tahun demi tahun untuk mencapai status negara maju.

"Untuk negara berbilang kaum seperti Malaysia, pertumbuhan adalah baik kerana kita tidak percaya kepada pendekatan merompak si kaya untuk diberi kepada si miskin.

"Kita mahu jumlah kekayaan meningkat dalam memastikan wujud lebih banyak kekayaan untuk diagihkan. Pertumbuhan penting dan akan terus penting," katanya.

Menjelaskan hujahnya, Nor Mohamed memberitahu bahawa sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, ada satu peruntukan yang membolehkan kerajaan meminjam wang daripada bank pusat jika berlaku masalah.

"Banyak negara baru merdeka lain yang mempunyai peruntukan seumpama itu. Walaupun menghadapi pelbagai kesulitan, kerajaan tidak pernah meminjam wang itu. Dasar fiskal berhemat sudah menjadi teras kukuh kami," katanya.

Malah Nor Mohamed berkata, pinjaman asing sentiasa dipastikan rendah dan apabila keadaan kewangan negara kukuh, negara membayar pinjamannya lebih dulu daripada dijadualkan.

Oleh itu katanya, dengan rekod pendekatan fiskal berhemat dan keperluan untuk berkembang, usaha mencapai defisit sifar secara terburu-buru akan menyebabkan tekanan dan tidak mendatangkan sebarang manfaat.

"Tekanan kesempitan itu akan menjejaskan pertumbuhan dan kedudukan sosioekonomi ideal yang memastikan negara sentiasa aman dan stabil selama ini. Momentum pengurangan defisit itu memang ada tetapi ia akan dibuat secara teratur," katanya.

Nor Mohamed berkata, contoh amalan fiskal berhemat itu ialah langkah kerajaan menangguhkan pelaksanaan projek pembinaan landasan keretapi elektrik berkembar bernilai RM14 bilion baru-baru ini.

"Kita akan meneruskan dasar berhemat dan akan terus mencatat pertumbuhan," katanya.